

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

SOALAN

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kerajaan bersetuju untuk menggubal undang-undang yang akan menghukum syarikat-syarikat milik Malaysia yang beroperasi di luar negara untuk mengambil tanggungjawab terhadap masalah jerebu baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mengenai maklumat syarikat atau individu Malaysia yang mungkin penyebab kepada jerebu merentas sempadan, pihak MESTECC telah mengutuskan beberapa surat kepada pihak Indonesia untuk mendapat maklumat tersebut tetapi belum mendapat balasan.

Pada 11 September 2019, MESTECC telah mengutuskan surat kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia dan menyatakan hasrat untuk mengadakan mesyuarat di Jakarta bagi membincangkan isu jerebu merentas sempadan tetapi cadangan ini tidak mendapat sebarang maklum balas.

MESTECC juga telah mengutuskan surat kepada Menteri Linkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia, TYT Dr. Ir. Siti Nurbaya Bakar pada 6 November 2019, untuk menyusul dan mendapat maklumat lanjut

berkaitan penglibatan syarikat Malaysia dalam menyebabkan masalah jerebu merentas sempadan. Namun begitu, pada masa kini, surat tersebut belum dibalas oleh pihak Indonesia.

Walau bagaimanapun, Malaysia berpendirian bahawa pihak Indonesia berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana syarikat atau individu yang melakukan pembakaran terbuka di negara tersebut berlandaskan peruntukan undang-undang domestik yang dikuatkuasakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

MESTECC juga telah mengadakan mesyuarat dan konsultasi bersama pakar-pakar perundangan dan alam sekitar daripada Jabatan Peguam Negara dan beberapa buah universiti tempatan bagi membincangkan keperluan penggubalan Akta Pencemaran Alam Sekitar Merentas Sempadan, Cross-boundary Pollution Act, yang termasuk tetapi tidak dihadkan jerebu.

Berdasarkan konsultasi ini, satu kajian akan dilaksanakan terlebih dahulu bagi meneliti implikasi akta ini dan menetapkan hala tuju pelaksanaannya bagi memastikan akta yang bakal digubal dapat memenuhi keperluan semasa.

Kajian ini akan dilaksanakan oleh jawatankuasa khas yang diterajui oleh pakar perundangan dan pakar berkaitan alam sekitar dalam tempoh 3 bulan dan dijangka selesai pada Januari 2020. Seterusnya, kertas pertimbangan akan disiapkan dan dikemukakan kepada Jemaah Menteri. Jika Jemaah Menteri meluluskan kertas kabinet tersebut, maka MESTECC akan terus untuk mendraf RUU Pencemaran Alam Sekitar Merentas Sempadan.

Sekian, terima kasih.